

PRESS – PRINT

Publication	Kosmo	Day/Date	Tue, 7 May 2024
Section	Negara	Page No(s).	5
Circulation	80,000	Frequency	Daily
Headline	Kongsi idea, kepakaran global		

Pemain industri perlu tonjol keupayaan, inovasi pada DSA, NATSEC

Kongsi idea, kepakaran global

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Semua pemain industri pertahanan tempatan disarur untuk memanfaatkan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC ASIA) 2024 sebagai platform untuk mengetengahkan keupayaan dan inovasi diperingkat global.

Ini kerana kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, DSA dan NATSEC 2024 adalah platform yang sesuai bagi pemain industri tempatan menunjukkan kepakaran mereka di peringkat antarabangsa.

Malah katanya, melalui pameran ini juga pemain industri dapat berkongsi kepakaran dan idea dengan industri global.

“Saya menyeru semua peserta untuk bersama-sama berkongsi ilmu, untuk berinovasi, bertukar-tukar teknologi dan idea baharu dan menjalin perkongsian.

“Saya percaya bawahan acara dan sesi perbincangan selama tiga hari ini akan menjadi pemangkin kepada perubahan positif dan ke arah masa depan yang terjamin untuk kita dan generasi seterusnya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian DSA dan NATSEC ASIA 2024 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia



ANWAR (kanan) melawat rerual pameran selepas merasmikan Majlis Pembukaan Pameran DSA 2024 dan NATSEC ASIA 2024 di MITEC, Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

(MITEC), di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, tidak balas bersepada global ketika dunia menghadapi landskap global yang semakin berpecah-belah serta mengancam keselamatan dan kemakmuran kolektif amat diperlukan.

Jelas beliau, ancaman yang semakin meningkat ini antara lain serangan siber, kebimbangan

ngan alam sekitar dan kekurangan sumber mendorong dunia ke arah titik perubahan yang belum pernah berlaku sebelum ini.

“Ia menuntut tindak balas yang bersatu. Kebimbangan terhadap alam sekitar dan kekurangan sumber memburukkan lagi ketegangan ini.

“Perubahan iklim bukanlah ancaman yang jauh tetapi krisis

semasa, memberi kesan kepada keselamatan makanan, menyebabkan bencana alam dan masyarakat yang kehilangan tempat tinggal.

“Ketika masyarakat goyah di bawah tekanan ini, momok kehancuran ekonomi kelihatan besar, menjadikan prospek kemakmuran masa depan,” katanya.